




MASTI

MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

ANUGERAH PENTADBIR GEMILANG UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2024

ANUGERAH PERDANA PENTADBIR UNIVERSITI AWAM

**ANUGERAH KHAS
KEPIMPINAN UNGGUL**



MASTI
MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

ANUGERAH PENTADBIR GEMILANG UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2024

ANUGERAH PERDANA PENTADBIR UNIVERSITI AWAM (ANUGERAH KHAS KEPIMPINAN UNGGUL)

** sebelum ini dikenali sebagai Anugerah Khas MASTI*

1. ASAS ANUGERAH

ANUGERAH KHAS KEPIMPINAN UNGGUL merupakan anugerah yang diberikan kepada staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbir) atau organisasi yang telah banyak menyumbang jasa dan bakti kepada MASTI dalam semua peringkat dan gerak kerja. Kepimpinan Unggul didefinisikan sebagai gaya kepemimpinan yang berfokus pada pencapaian prestasi tinggi, pengembangan individu, inovasi, dan penciptaan kebudayaan organisasi yang mempromosikan kerjasama serta pencapaian yang luar biasa.

2. KRITERIA

2.1 Penilaian adalah berdasarkan kepada Pentadbir / organisasi yang :

- 2.1.1 menunjukkan kecemerlangan dalam apa jua bidang di peringkat komuniti, universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang menaikkan imej dan reputasi organisasi;
- 2.1.2 mendapat pengiktirafan / lantikan dalam persatuan / organisasi;
- 2.1.3 menjadi pakar rujuk dalam bidang yang berkaitan;
- 2.1.4 pernah menerima anugerah / pingat / darjah kebesaran; dan
- 2.1.5 mendapat pelbagai pengiktirafan lain yang sah dan berwibawa.

2.2 Sumbangan dan pencapaian yang diambil kira adalah dalam tempoh tiga (3) tahun terkini (2022, 2023 dan 2024).



3. SYARAT – SYARAT & PERATURAN

- 3.1 Terbuka kepada semua individu / organisasi yang telah mendapat pencalonan daripada Jawatankuasa Eksekutif MASTI dan telah memberikan sumbangan besar serta kaitan langsung dengan MASTI.
- 3.2 Mempunyai personaliti / imej yang baik dan tidak terlibat dengan kes-kes tatatertib atau salah laku.
- 3.3 Calon yang pernah memenangi anugerah ini adalah tidak layak dikemukakan pencalonan yang sama dalam tempoh lima (5) tahun daripada tahun terakhir yang dimenangnya.

4. HADIAH

- 4.1 Sijil Pemenang
- 4.2 Trofi

5. PROSEDUR PENCALONAN DAN PEMILIHAN PEMENANG

- 5.1 Pencalonan perlulah melalui Mesyuarat Khas Jawatankuasa Eksekutif MASTI.
- 5.2 Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada pencapaian dan sumbangan besar kepada MASTI, universiti, negeri dan negara.
- 5.3 Keputusan akhir yang telah dipersetujui oleh Ahli Mesyuarat Khas Jawatankuasa Eksekutif MASTI akan dimaklumkan secara rasmi kepada setiap calon yang terpilih melalui Ketua Jabatan / organisasi masing-masing.

6. PENUTUP

- 6.1 Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :

**Jawatankuasa Anugerah, Penjurian, Sistem dan Hadiah
Anugerah Pentadbir Gemilang Universiti Awam Malaysia 2024**

Pegawai (1) : Dr. Mohd Fadhzil bin Zainol (019-339 6587)

Pegawai (2) : En. Helmee bin Yaacob (012-719 2294)



MASTI

MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

Terbitan Khas :

**Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI)
2024**